

**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MERASMIKAN DISKUSI INTELEKTUAL:  
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

**TEMA:  
"MEMBINA NEGARA BANGSA BERINTEGRITI"**

**TAJUK:  
PERANAN INSTITUSI PELBAGAI AGAMA DAN  
PENDIDIKAN DALAM MEMBINA NEGARA BANGSA  
BERINTEGRITI**

**16 JANUARI 2018 | SELASA | 3.30 PETANG  
AUDITORIUM INTEGRITI,  
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

## **SALUTASI**

**Yang Berhormat Senator Datuk Paul  
Low;**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**Yang Berhormat Menteri-Menteri  
Kabinet;**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali  
Hamsa;**

Ketua Setiausaha Negara Merangkap  
Pengerusi Institut Integriti Malaysia

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Anis Yusal  
Yusoff;**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

**INTEGRITI**

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

## **PEMBUKA KATA**

1. Terlebih dahulu, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berhimpun dalam **Program Diskusi Intelektual** pada petang ini.

2. Saya dimaklumkan, sebelum ini telah berlangsung sebuah forum yang membincangkan satu maudhu' atau topik penting iaitu **"Peranan Institusi Agama dan Pendidikan dalam Membina Negara Bangsa Berintegriti"**.

3. Saya percaya ahli-ahli ilmuwan seperti *Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, Prof Madya Dr Sharifah Hayati dan Dr Wendy Yee* telah mengupas topik ini dengan lebih mendalam.

4. Kita sedar bahawa tidak ada yang lebih penting daripada integriti dalam membina sebuah negara. Masa depan pemerintahan ini bergantung kepada integriti seluruh rakyat dan pengemudi kerajaan hari ini.

## **TRANSFORMASI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

Para hadirin dihormati sekalian,

5. Empat belas tahun lalu, Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima telah mengambil satu pendekatan jangka masa panjang dengan melancarkan **Pelan Integriti Nasional**.

6. Jika kita masih ingat, **serentak dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditubuhkan**. Sepanjang tempoh 14 tahun ini, IIM telah melaksanakan banyak aktiviti dan program bagi mencapai agenda pembudayaan dan penghayatan integriti dalam kalangan masyarakat.

7. Tahniah, syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga kerja IIM

yang kini dikenali sebagai **INTEGRITI** di bawah **kepimpinan Datuk Dr Anis Yusal Yusoff**.

8. Saya difahamkan INTEGRITI melalui agenda pembudayaan integriti di akar umbi tidak hanya terhad kepada program-program berbentuk advokasi di peringkat daerah sahaja, tetapi kini secara lebih konkrit dan berkesan dengan membantu mewujudkan **Pelan Integriti Daerah**.

9. Saya yakin pegawai-pegawai daerah seluruh negara akan dapat merancang pembangunan daerah mereka dengan lebih telus dan berintegriti dengan adanya Pelan Integriti Daerah masing-masing.

10. Sebagai tanda sokongan saya kepada inisiatif ini, **saya ingin menawarkan kawasan parlimen saya sebagai salah sebuah kawasan awal untuk INTEGRITI bantu dalam penyediaan Pelan Integriti Daerah Bagan Datuk.**

## **KOMITMEN KERAJAAN**

Para hadirin dihormati sekalian,

11. Kerajaan Pusat komited untuk mencapai sasaran yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional. Banyak yang telah kita dilakukan, termasuklah mewajibkan setiap agensi awam mewujudkan Unit Integriti sejak tahun 2013.

12. Malah YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak turut melantik seorang Menteri Kabinet yang diberi tanggungjawab khas mengkoordinasi semua institusi kerajaan yang melaksanakan program integriti dan tadbir urus ini.

13. Bagi membantu YB Senator Datuk Paul Low melaksanakan tugas beliau, **Kabinet baru-baru ini telah memutuskan untuk menaik taraf Bahagian Integriti dan Tadbir Urus kepada Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara.**

14. Sebelum itu pada tahun 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan **Jawatankuasa Konsultatif**



**Nasional Mengenai Pembiayaan Politik**  
di mana INTEGRITI adalah sekretariatnya.

15. Saya dapati hasil laporan jawatankuasa ini, **Kabinet telah memutuskan supaya satu draf Rang Undang-Undang tentang pembiayaan politik disediakan.** Maka tidak wajarlah mana-mana pihak khususnya pembangkang mempertikaikan dan mendakwa kononnya Kerajaan Pusat tidak melakukan apa-apa ke arah melahirkan masyarakat beretika dan berintegriti.

16. Kerajaan akan terus memastikan agenda pembudayaan dan penghayatan integriti yang lebih efektif. Bagi tujuan ini, kerajaan akan terus memperkasakan Institut Integriti Malaysia dengan

menyediakan sumber termasuk kewangan yang lebih besar.

17. Pada masa yang sama, Pelan Integriti Nasional akan disemak semula selari dengan kehendak dan keperluan semasa. Ini adalah penting agar ia selari dengan agenda **Transformasi Nasional 2050 (TN50)**.

18. Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara akan bekerjasama dan akan membantu INTEGRITI dalam usaha menentukan semua unit integriti kementerian dan jabatan bertindak sebagai pelaksana Pelan Integriti Nasional dengan mewujudkan pelan integriti organisasi masing-masing.

19. Dengan cara ini, hasrat kita untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara dengan rakyatnya yang berintegriti tinggi akan lebih mudah direalisasikan.

## **PEMBUDAYAAN INTEGRITI**

Para hadirin dihormati sekalian,

20. Usaha pembudayaan dan penghayatan integriti tidak boleh diserahkan kepada Institut Integriti Malaysia semata-mata. Semua pihak perlu terus memberi sokongan padu kepada INTEGRITI untuk mencapai matlamat dalam Pelan Integriti Nasional.

21. Saya mahu semua pihak bersatu tenaga bagi menjadikan agenda

pembudayaan dan penghayatan integriti sebagai satu gerakan massa atau *a mass integrity movement*.

22. Saya percaya untuk sesuatu perkara itu dibudayakan, kita perlu melibatkan gerakan massa dan dilakukan secara meluas lagi melata. Untuk mengubah sikap atau untuk memperbetulkan sesuatu, kita perlu mempelbagaikan *manhaj* atau kaedah.

23. Ini adalah satu usaha jangka panjang. Kita tidak boleh hanya berharap apabila orang telah berikrar, maka semuanya akan menjadi baik. **Ikrar sahaja tidak akan mengubah sikap.**

24. Kerana itu saya mahu INTEGRITI, agensi-agensi kerajaan, swasta, dan

masyarakat sivil yang lain bersama-sama dalam gerakan massa ini melalui pendekatan yang pelbagai dan konstruktif.

25. Agenda pembudayaan budaya berintegriti yang ingin kita bentuk tiga dekad akan datang perlu bermula hari ini. Ia perlu membabitkan segenap lapisan masyarakat Malaysia.

## **SEJARAH PELANGGARAN AMANAH DAN ARAHAN**

Para hadirin dihormati sekalian,

26. Izinkan saya memberi pandangan tentang topik forum yang telah berlangsung sebentar tadi. Pada hemat saya, dalam usaha kita untuk membina negara bangsa

berintegriti ini terutama dalam konteks negara kita Malaysia, institusi pelbagai agama dan pendidikan mempunyai peranan sangat penting dalam meningkatkan nilai-nilai murni.

27. Umat Islam perlu sentiasa **mengukuhkan pemahaman diri** terhadap ajaran agama dengan cara memahami sirah-sirah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda. Ini membolehkan kita menjadikan semangat dan ketaatan mereka kepada Allah SWT sebagai satu bentuk motivasi untuk kita beristiqamah dalam mencapai ketaqwaan di sisi Allah SWT.

28. Mengambil iktibar perang Uhud, umat Islam sedia maklum akan kekalahan kaum

Muslimin semasa perang berkenaan kerana tidak mendengar arahan Rasulullah SAW. Arahan agar pasukan pemanah berada di posisi strategik untuk melindungi pasukan di hadapan diabaikan, sebaliknya mereka turun ke lembah mengambil *ghanimah* atau habuan perang. Peluang ini digunakan oleh Khalid Al-Walid, yang ketika itu belum masuk Islam untuk menyerang pasukan Islam dari belakang. Kekalahan tersebut kerana **KEINGKARAN TERHADAP ARAHAN** Rasulullah SAW.

29. Iktibar yang dicatat dalam tinta sejarah Islam bagaimana peperangan Uhud yang asalnya dimenangi oleh pasukan Rasulullah SAW telah bertukar kepada kekalahan yang telah membawa kepada kecederaan parah kepada Rasulullah SAW.

Kesan yang kekal sehingga hari ini ekoran kegagalan mereka mentaati arahan Rasulullah sehingga Nabi telah ditimpa kecederaan sehingga terpaksa berlindung di dalam gua menyelamatkan diri.

30. Umat Islam harus yakin bahawa setiap janji Allah SWT itu adalah benar. Justeru umat Islam hendaklah sentiasa melakukan ketaatan terhadap perintah Allah dan Rasul, serta menjauhi segala larangan dan celaanNya. Umat Islam yang patuh kepada segala suruhan Allah serta ikhlas melaksanakannya, pastinya akan mendapat keredaan dalam kehidupan dan memperolehi ganjaran syurga Allah di akhirat kelak.



31. Peristiwa perang tersebut wajib dijadikan iktibar, dijadikan petunjuk, dijadikan peringatan; bahawa **ujian ALLAH SWT ke atas insan, menyentuh subjek amanah - menyentuh subjek integriti.** Ia melambangkan keinginan mendapatkan habuan, merupakan pintu pertama membolehkan iblis mencelah masuk, melakukan pemesongan terhadap iman seorang insan.

32. Betapa dinding ketahanan integriti insan telah ditembusi dengan godaan tarikan untuk mendapatkan kuasa. Hari ini, godaan menghakis integriti lebih pelbagai wajahnya - lebih beraneka rupanya; tidak terbatas kepada sebatang pohon khuldi.

33. Ia berbentuk pangkat dan gelaran, wang ringgit dan wanita cantik, intan berlian, zamrud dan nilam, percutian dan melancong, banglo besar dan kondominium mewah, malah namakan apa sahaja, lebih membimbangkan ia termasuk pakej-pakej bertopengkan ibadah - bertopengkan agama, dari keraian berbuka puasa di hotel lima bintang sehingga tajaan melakukan umrah dan mengerjakan haji.

34. Hari ini, godaan menghakis integriti insan di dunia yang fana ini, lebih pelbagai, dengan daya tarikan yang sukar ditolak, memudahkan dinding pertahanan dirempuh, memudahkan iman diruntuh.

35. Rasuah adalah '**ragi perosak**', pemusnah integriti. Rasuah adalah

perlakuan khianat - amalan penyelewengan, dilakukan untuk kepentingan peribadi tanpa menghiraukan impak kerosakan - impak kemusnahan kepada insan lain, kepada institusi, kepada negara. Kerana rasuah membawa bencana, semua agama dan semua tamadun tidak menghalalkan rasuah.

## **YANG DIKATA PERLU DIKOTA**

Para hadirin dihormati sekalian,

36. Semua kerajaan mengkategorikan rasuah sebagai barah, wajib dicegah - wajib ditegah. Semua insan menyifatkan rasuah amalan jijik. **Anehnya, terdapat jurang di antara 'kata' dan 'kota.'**

37. Rasuah dikatakan merosak integriti, diisytihar wajib diperangi, dianggap amalan keji, disifatkan musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan; tetapi kita tidak mahu usaha untuk menghapuskannya berlegar di peringkat retorik, meniti dari bibir ke bibir, hinggap dari telinga ke telinga.

38. Ada dalam kalangan yang secara tersurat, lantang melaung mengutuk rasuah, tetapi secara tersirat mengamalkan rasuah. Rasuah telah menjadi sebahagian dari darah daging mereka, berperanan sebagai talian hayat - penggerak nadi, berfungsi untuk membolehkan mereka hidup secara mewah - secara megah.

39. Ini menyebabkan toleransi terhadap rasuah kelihatan semakin tinggi hingga sampai ke peringkat diterima sebagai syarat untuk berjaya. Sedangkan rasuah membawa impak negative secara langsung membantut pertumbuhan ekonomi. Kos projek meningkat, kualiti kerja dikompromikan, aspek keselamatan dikorbankan, kelestarian alam dikesampingkan. Semua ini kerana rasuah.

40. Saya ulangi, memerangi rasuah adalah agenda nasional. Negara amat sedar perlakuan rasuah akan memudaratkan masa hadapan negara bangsa. Sebenarnya integriti bukan ciptaan baharu, bukan penemuan baharu, bukan konsep baharu dan bukan doktrin baharu. Memerangi rasuah juga adalah tuntutan semua agama.

Para hadirin dihormati sekalian,

41. Bercakap mengenai pelbagai agama, saya difahamkan bahawa INTEGRITI telah menghasilkan sebuah buku kecil bertajuk “Nilai Integriti Pelbagai Agama Pengikat Persefahaman” yang menghuraikan lima nilai utama yang bersifat sejagat yang tersirat dalam semua agama iaitu ketuhanan, keperibadian, kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan.

42. Semua nilai sejagat ini diterima dan dipraktis oleh penganut pelbagai agama. Ini bermakna kita semua bangsa Malaysia dapat mencari satu titik persamaan untuk terus hidup bersatu-padu, mengembleng usaha ke arah membina negara bangsa berintegriti dan seterusnya menjayakan

gagasan 1 Malaysia.

43. Saya berharap buku kecil ini dapat menyumbang kepada usaha pemupukan budaya berintegriti dalam kalangan penganut pelbagai agama di Malaysia.

## **BERMULA PENYEMAIAN INTEGRITI DARI PENDIDIKAN ASAS**

Para hadirin dihormati sekalian,

44. Institusi pendidikan juga memainkan peranan yang sama penting, bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan manusia untuk mendapat ilmu tetapi juga untuk meningkatkan perpaduan antara kaum. Kita biasa mendengar sekolah mengajar 3 R iaitu *Read*, *wRrite* dan *aRithmethic*, tetapi

pada hemat saya, sekolah juga perlu mengajar R yang lain seperti *how to Respect, Relate, and be Responsible*.

45. Di sini, integriti dan etika menjadi jambatan yang menghubungkan kedua-dua perkara penting ini. Pertama, ilmu yang menyentuh akal namun yang kedua juga tidak kurang penting, iaitu nilai-nilai murni yang menyentuh kalbu atau hati. Kita perlukan rakyat yang bukan sahaja bijak dan pintar tetapi juga mempunyai nilai dan berhati mulia.

46. Syabas saya ucapkan kepada INTEGRITI di mana dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan satu modul integriti untuk pra-sekolah yang akan dilancarkan sebentar



nanti.

47. Modul ini telah dibuat kajian rintis di sebelas buah tadika dan hasil dapatannya telah meyakinkan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk bersetuju modul ini digunakan oleh semua tadika di bawah KPM.

48. Saya berharap kementerian-kementerian lain juga akan menilai dan menggunakan modul integriti pra-sekolah ini bagi tadika milik mereka. Asas integriti harus dipupuk sejak dari kecil agar mereka akan menjadi pemimpin dan penjawat yang berintegriti di masa akan datang.

**SARANAN TERHADAP PENJAWAT AWAM**

Para hadirin dihormati sekalian,

49. Integriti dan kepimpinan berintegriti amat penting dalam hal ini. Penjawat awam hendaklah senantiasa mempertahankan nama baik perkhidmatan, teguh dengan prinsip integriti dan menolak rasuah serta tegas menentang perbuatan salah guna kuasa yang boleh mengakibatkan berlakunya ketirisan hasil negara.

50. Pemantapan urus tadbir bukan sahaja melibatkan sistem dan prosedur tetapi juga cara berfikir dan cara kita bertindak. Pemikiran anggota perkhidmatan awam perlu dipupuk untuk terus menghasilkan perkhidmatan yang lebih profesional, progresif lagi dinamik.

51. Tahap integriti penjawat awam hendaklah sentiasa dinilai dan dipantau melalui satu kaedah yang sistematik bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan menjadikan pentadbiran dan pengurusan negara, telus dan berintegriti.

52. Usaha Institut Integriti Malaysia bekerjasama dengan MIMOS Berhad memperkenalkan instrumen penilaian integriti individu atau *Malaysian Integrity Profile* yang bertujuan **menyediakan profil integriti seseorang penjawat awam**, amatlah bertepatan dengan hasrat kerajaan menjadikan integriti sebagai aspirasi utama negara terutamanya dalam kita merancang pembangunan negara ke arah TN50.

**53. Saya percaya dan yakin sekiranya ujian integriti ini diwajibkan dalam proses pengambilan kakitangan awam dan kemajuan kerjaya di sektor awam kita akan melihat kualiti perkhidmatan dan integriti pengurusan kerajaan yang lebih telus dan berintegriti.**

## **PENUTUP**

Para hadirin dihormati sekalian,

54. Bagi menjamin masa depan negara yang kita cintai ini daripada musnah , membina negara bangsa berintegriti mesti menjadi keutamaan.

55. Begitu juga dengan sensitiviti setiap penganut agama terhadap agama lain serta

budayanya. Islam perlu dijadikan *addin* dan panduan dalam seluruh aspek kehidupan setiap umat Islam, dan bukan bersifat ritual atau adat, apatah lagi tradisi semata-mata.

56. Pemikir dan pemimpin kelompok agamawan perlu bersama-sama dengan Institut Integriti Malaysia untuk berbincang secara inter atau intra-agama untuk mendapatkan nafas baru dalam mencari solusi masalah ummah dan rakyat negara ini untuk membina negara bangsa berintegriti serta berakhlak tinggi.

57. Saya percaya melalui instrumen-instrumen yang telah dibangunkan oleh INTEGRITI seperti *Malaysian Integrity Profile* dan *Integrity Assessment Tool* merupakan suatu mekanisme penilaian yang

komprehensif dapat dilakukan atas usaha-usaha yang telah diambil oleh setiap institusi agama dan pendidikan di Malaysia.

58. Penghayatan dan amalan berterusan nilai integriti menerusi dua komponen penting iaitu Institusi Agama dan Pendidikan merupakan benteng terakhir dalam memastikan pembangunan negara bangsa yang berintegriti tinggi dapat direalisasikan.

59. Dengan harapan-harapan itu, dengan lafaz *"Fasabih Biham Dirob Bikawas Taghfir Innahu Kanatau Waba"*, saya merasmikan **Program Diskusi Intelektual INTEGRITI bagi Tahun 2018!**. Sekian, terima kasih.